

# Proton pernah bincang teroka ikatan pembangunan produk

BH 19 OCT 2000

PERUSAHAAN Otomobil Nasional Bhd (Proton) berkata, memang pernah berbincang dengan beberapa pengeluar automotif dunia bagi menerokai ikatan pembangunan produk dan kejuruteraan termasuk dengan rakan kongsinya sekarang, Mitsubishi Motors Corporation (MMC).

"Proton sentiasa mendingar cadangan begitu kerana ia akan menyokong program pengeluaran kereta nasional dan membuat hubungan strategik dengan syarikat sekali gus memberi keuntungan kepada kedua-dua pihak," kata Proton dalam kenyataan ringkas yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, semalam.

Syarikat itu mengeluarkan kenyataan sebagai mengulas laporan sebuah akhbar berbahasa Inggeris tempatan yang melaporkan Ford Motor Co (Ford), syarikat automotif kedua terbesar di dunia dari

Amerika Syarikat (AS) berminat untuk membentuk ikatan dengan Proton.

Presiden dan Ketua Eksekutif Ford, Jacques Nasser, berkata syarikat sentiasa meninjau mana-mana peluang untuk mengadakan ikatan dan pengambilalihan yang akan membantu Ford mencapai strategi globalnya.

"Kami sentiasa berminat. Kami tidak fikir mengenai harga tetapi bagaimana sesuatu ikatan ini boleh dipadankan dengan strategi kami," katanya.

Dalam laporan itu, pegawai Ford berkata Proton adalah menarik kepada syarikat AS itu kerana ia adalah pengeluar kereta terbesar Asean dan adalah satu-satunya syarikat yang terbabit aktif dalam program pembangunan dan penyelidikan (R&D).

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ber-

kata, Proton bersedia menimbang tawaran mana-mana syarikat automotif yang berminat untuk memiliki 30 peratus kepentingan dalam Proton.

Ketika ini, 16 peratus kepentingan dalam Proton dimiliki oleh syarikat pengeluar kereta dari Jepun iaitu MMC dan Mitsubishi Corporation yang masing-masing memegang 8 peratus kepentingan.

Ford Motor Co sudah memiliki kepentingan dalam Jaguar Cars Ltd pada 1990, pengeluar kereta dari Sweden, Volvo (1999) dan pengeluar kereta pacuan empat roda, Land Rover pada tahun ini.

Syarikat itu turut memiliki syarikat pengeluar automotif dari Jepun iaitu Mazda dan Aston Martin. Ford Motor juga mempunyai loji pengeluarannya di Thailand dan Filipina serta kilang pemasangan di Malaysia.